

# Seruan Islam di Semenanjung Tanah Melayu

## Sayugia dijalankan dengan lebih luas lagi

Kalau sebenarnya kita percaya dan kasih kepada Islam, ingin agama Islam terkembang, marilah kita menyingsing tangan bergotong royong, menyeru diri kita, anak-anak kita, masyarakat kita, di mana sahaja kita berada: Di rumah, di tempat-tempat kerja, di tempat-tempat ramai, di masjid-masjid dan di sekolah-sekolah, untuk memegang dan beramal dengan semua ajaran Islam. Kemudian marilah kita bersama-sama mengorak langkah menyeru bangsa-bangsa asing dan memberi penerangan yang jelas kepada mereka untuk mereka bersama-sama hidup bersatu fahaman, bersatu aliran dengan tidak ada bermusuh-musuhan- kata Tuan Abdul Kadir Ismail antara lain dalam tulisannya ini- Pengarang Qalam.

(Oleh: Abdul Kadir Ismail Abdullah, Mesir)

Seruan Islam adalah suatu kewajipan besar ke atas umat Islam kerana dengan seruan ini dapatlah agama yang suci murni kita itu berkembangan, dan ajaran-ajarannya yang sebenar dapatlah mengalir ke seluruh jiwa manusia. Sudah tentu dengan kembangan agama Islam dan banyak penganut-penganutnya mutu Islam bertambah tinggi, kedaulatan Islam tetap bertambah kuat, ajaran-ajaran suci Islam dapat dirasai oleh semua manusia. Tetapi sebaliknya kalau seruan ini dilalaikan maka kedudukan Islam harus akan mundur, faham Islam akan bertambah kurang dan ajaran-ajarannya akan bertambah lemah, di samping ini faham-faham dan ideologi-ideologi lain dapat mengatasi fahaman Islam dan dapat menakluki jiwa umat Islam sendiri.

Kalau sekiranya umat Islam dalam zaman silam dengan bilangan mereka yang sedikit dapat menyampaikan seruan Islam ke ceruk rantau alam ini dan telah menyerukan segenap bangsa kepada beragama Islam, dengan menyembah Tuhan yang satu, kepada mengikuti ajaran-ajaran dan kehendak-kehendak Islam, mengapakah kita hari ini yang telah meningkat

jumlah kita dengan setinggi-tingginya masih berdiam diri dan berdakap tangan tidak mahu menyeru kepada Islam dan tidak mahu mengambil langkah-langkah yang cergas untuk penyeruan Islam dan membela ketinggiannya?

Kita umat Islam hari ini sebenarnya telah lalai daripada menuaikan kewajipan-kewajipan Islam terutama kewajipan menyeru kepada Islam. Dengan ketiadaan kita menjalankan seruan Islam ini, bukanlah natijahnya sekadar Islam tidak berkembangan tetapi kesan dan padahnya adalah menimpa ke atas diri kita sendiri kerana sudah menjadi adat seseorang itu apabila ia binasa lalai daripada menuaikan suatu kerja ia bebas pula lalai dari menuaikan suatu kerja yang lain. Seorang yang bebas lalai daripada sembahyang, bebas ia lalai daripada puasa, Kalau kita lalai daripada menyeru bangsa asing kepada asing biasa pula kita lalai daripada menyerukan jiwa kita sendiri, anak-anak kita sendiri dan kaum bangsa kita sendiri kepada beriman dan beramal dengan ajaran-ajaran

Islam. Oleh yang demikian tidak hairan kalau didapati umat Islam hari ini telah banyak membelakangkan ajaran-ajaran Islamnya dan merasai ragu kepada hikmah dan tuntutan Tuhan. Kita umat Islam sekarang telah merasai takui dan gerun kepada ideologi komunis dan segala corak masyarakat dan pemerintahan yang berasas semata-mata kepada kebendaan, sebagaimana juga kita takut daripada adat dan kebudayaan Eropah yang berlawanan dengan Islam daripada melarat dan meresap ke dalam jiwa dan masyarakat Islam, tetapi kita masih lagi tidak mengambil langkah-langkah yang bijak untuk menghapuskan segala yang merosakkan kedudukan kita dan menjatuhkan mutu keislaman kita, dan juga kita masih lalai menerangkan hakikat Islam ke dalam segenap lapangan masyarakat supaya sebarang fahaman yang lain dari Islam hapus dan fahaman Islam bertambah kembang dengan jelasnya.

Kita di Malaya telah terancam dengan faham-faham komunis dan bahayanya. Tetapi belum lagi kita berusaha mengambil tindakan yang sempurna untuk mengatasi dan menghapuskan faham komunis, kita hanya melawan kemaraan komunis dan ideologinya dengan secara kekuatan, dan secara kita memburu komunis di hutan rimba. Hakikat yang sebenarnya usaha-usaha yang semacam ini ialah semata-mata melawankan keganasan dan kecerobohan sahaja bukan kita melawan faham komunis, kerana suatu fahaman dan ideologi tidaklah dapat dihapuskan dengan kekuatan tenaga atau senjata tetapi ialah dengan kekuatan ideologi yang lebih kuat dan berpengaruh.

Kita sebagai pengikut agama Islam ada mempunyai suatu fahaman dan corak hidup yang tinggi sekali, bukan buatan manusia tetapi buatan dan kemahuan Tuhan, kalau kita pandai menggunakanannya memberi penerangan yang jelas, menyeru bangsa asing kepada Islam

maka bahaya-bahaya yang ditakuti itu akan dapat kita mengatasinya.

Oleh yang demikian kalau sebenarnya kita percaya dan kasih kepada Islam, ingin Islam itu berkembangan marilah kita menyingsing tangan bergotong-royong menyeru jiwa kita, anak-anak kita di mana-mana sahaja kita berada: Di rumah, di tempat-tempat kerja, di tempat-tempat ramai, di masjid, dan di sekolah-sekolah untuk memegang dan beramal dengan semua ajaran Islam, kemudian marilah kita bersama mengorak langkah menyeru bangsa-bangsa asing dan memberi penerangan yang jelas kepada mereka untuk mereka bersama-sama hidup bersatu padu bersatu aliran dengan tidak ada bermusuh-musuhan.

Firman Allah *subḥānahu wa Ta’ālā “wal takun mminkum ummatan yad’ūna ilal khayri wa ya’murūna bil ma’rūfi wa yanhwawna ‘anil munkari, wa ’ulā’ika humul muflīhūna”* ertinya, hendaklah ada dari antara kamu suatu umat yang menyeru kepada kebaikan dan menyuruh dengan kebijakan serta menegah daripada kejahatan, dan mereka itulah orang yang berbahagia”.

#### Dapatkanlah buku-buku untuk menambah pengetahuan

##### tuan/puan:

- |                              |        |
|------------------------------|--------|
| 1. Risalah Allah             | 40 sen |
| 2. Permulaan Agama           | 70 “   |
| 3. Perempuan Islam           | 30 “   |
| 4. Iman Perempuan            | 20 “   |
| 5. Perempuan dan Pilihanraya | 40 “   |
| 6. Taklid                    | 60 “   |
| 7. Qada’ dan qadar           | 25 “   |
| 8. Berjihad pada Jalan Allah | 70 “   |

Alamatkanlah kepada:

QALAM

356/8, Geylang Road,

Singapore 14.